



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	27/2/2019	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### **Buaya Tasik Shah Alam akhirnya masuk perangkap**

SHAH ALAM - Anak buaya tembaga bersaiz satu meter yang ditemui di bahagian barat Tasik Shah Alam di sini minggu lalu, berjaya ditangkap kira-kira jam 11.30 pagi, semalam.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Abd Rahim Othman memberitahu anak buaya itu ditemui berada dalam salah satu daripada tiga perangkap yang dipasang pihaknya sejak minggu lalu.

Menurutnya, pihaknya bersama unit buaya Pusat Perlindungan Hidupan Liar (NWRC) membuat pemantauan berterusan dan memasang tiga perangkap sederhana, dua unit jala serta satu pukot bagi menangkap reptilia itu.

"Dalam tempoh lima hari ini, kita akhirnya dapat menangkap anak buaya itu yang masih belum dikenalpasti jantinya.

"Reptilia itu akan dihantar ke 'rescue centre' di Paya Indah Wetland, Sepang dan ditempatkan di sana buat sementara waktu," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, haiwan itu akan dirawat dan disimpan di sana sebelum



Abd Rahim (empat, kanan) bersama anggotanya serta pihak MBSA yang turut membantu usaha menangkap reptilia berkenaan.

dilepaskan ke habitat liar yang bersesuaian.

Mengulas sama ada terdapat kemungkinan masih ada buaya lain dalam Tasik Shah Alam, Abd Rahim berkata, pihaknya belum dapat memastikan perkara tersebut buat masa ini.

"Tapi kita masih tinggalkan perangkap, jala serta pukot di sana sebagai persediaan kalau ada lagi haiwan itu," katanya yang turut be-

kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi melancarkan operasi menangkap anak buaya itu.

Sementara itu, MBSA dalam satu kenyataan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak khususnya Perhilitan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta renjer taman MBSA yang bekerjasama dalam memastikan anak buaya itu dapat ditangkap.